

13 NOV 1998

Eon-Jualan

PULAU PINANG PASARAN PROTON KETIGA TERBESAR DI MALAYSIA

PULAU PINANG, 13 Nov (Bernama) -- Pulau Pinang merupakan pasaran ketiga terbesar bagi kereta Proton yang diedarkan Edaran Otomobil Nasional (EON) di negara ini dengan 87,005 unit dijual dan didaftarkan di negeri ini sejak ia dilancarkan pada 1985, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata, semasa kereta itu diperkenalkan di negara ini pada tahun 1985, hanya terdapat 616 unit sahaja yang didaftarkan di sini pada tahun itu berbanding 13,344 unit pada tahun lepas.

Kejayaan EON meningkatkan pemasaran kereta Proton itu di Pulau Pinang merupakan perkembangan yang sihat dan berharap jumlah itu akan bertambah pada masa akan datang dengan adanya usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat baru EON cawangan Pulau Pinang di sini.

Setakat ini Kuala Lumpur mendahului pasaran diikuti Johor, Pulau Pinang dan Perak.

Sementara itu, Pengarah Urusan EON Berhad, Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata, EON menjangka pasaran bagi kereta Proton meningkat sebanyak 10 peratus di seluruh negara tahun depan berikutan usaha pemulihan ekonomi negara.

Peningkatan itu mungkin dicapai berdasarkan usaha gigih kerajaan memperbaiki keadaan ekonomi serta melonggarkan syarat-syarat pembelian kereta bagi memulihkan industri automotif yang turut menerima kesan akibat kegawatan ekonomi.

Jumlah jualan di Pulau Pinang juga dijangka meningkat antara satu dan tujuh peratus tahun depan, katanya.

Beliau juga berkata, EON menerima 100 tempahan Proton Perdana V6 DOHC 24 injap sejak ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur semalam.

Selain pembukakan bangunan baru cawangan EON yang berharga lebih RM10 juta itu, syarikat itu juga mengadakan Karnival EON Motor Ria selama tiga hari mulai hari ini bagi membolehkan pelanggan mendapatkan alat ganti, aksesori juga pemeriksaan kenderaan di situ.

Bangunan baru yang dibina atas tanah seluas 0.8 hektar di Jalan Makloom, di sini menggabungkan urusan penjualan kereta baru dan servis di premis yang sama dan ini memudahkan pelanggan untuk mengurus.

-- BERNAMA

ZU PR